

U GB 10-12 00183 BC309

bah

MALAYSIA MAHU KUKUH HUBUNGAN KOMANWEL MELALUT SUKAN

Mahathir - Sukan

I

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Malaysia berminat menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1398 bagi memperkukuhkan hubungan antara negara anggota pertubuhan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya sukan boleh mengeratkan hubungan antara negara Komanwel seperti juga banyak bidang lain, di mana sesebuah negara boleh membantu satu negara lain.

+Sukan ialah satu perkara antara rakyat dengan rakyat dan melalui sukan manusia didunia ini boleh saling mengenali dan mewujudkan dan memperkukuh hubungan baik yang mahu digalakkan oleh Komanwel, + katanya ketika melancarkan Tabung Sokongan Penawaran Sukan Komanwel 1988 di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Beliau memberi jaminan kepada para pegawai Persekutuan Sukan Komanwel dan pemimpin sukan negara Komanwel yang menghadiri majlis itu bahawa Malaysia akan berbuat apa sahaja untuk menjadikan Sukan 1998, Sukan Komanwel yang terbaik sejak di mulakan.

Katanya penawaran Majlis Olimpik Malaysia (OCM) bukan sahaja disokong oleh kerajaan dengan menyediakan kemudahan dan kewangan yang perlu tetapi juga menyediakan tenaga bagi mengendalikannya. --Lagi

▼10/12/20-14MST

U GB 10-12 00158 BH158

bah

Mahathir - Sukan 2 Kuala Lumpur

Katanya kempen itu ialah bagi memungut derma daripada orang ramai untuk menyokong penawaran itu manakala Larian Sukan Komanwel, yang beliau laksanakan selepas majlis itu itu ialah +tanda simbolik+.

Meagenai kehadiran ramai orang pada keseluruhan majlis itu walaupun hujan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ia menunjukkan sokongan rakyat, +negara ini yang cintakan sukan+ untuk menjadi tuan rumah.

+Dalam tempoh kurang daripada sebulan untuk mengadakan larian, kami telah berjaya mengumpulkan bilangan peserta yang ramai ini yang masing-masing membayar sumbangan simbolik sebanyak dua ringgit bagi menyertainya. Ini hanya permulaan.+

Beliau berkata bagi tempoh tiga bulan akan datang, tanda tangan beratus ributanda tangan rakyat. Malaysia akan dikumpulkan bersama sumbangan mereka bagi membuktikan sokongan mereka kepada penawaran Malaysia.

Katanya Malaysia telah mendapat +satu tahap kepakaran+ selepas mengendalikan pelbagai sukan peringkat antarabangsa dan akan mengendalikannya beberapa sukan lagi dalam beberapa tahun akan datang. --Lagi

▼10/12/20-27MST

CNS5529

UGB10-12 00129 BH159

bah

Mahathir - Sukan 3 Kuala Lumpur .

Selain daripada Piala Thomas, Malaysia juga akan menganjurkan Sukan Korporat Dunia, Piala Dunia **Golf** dan Piala Dunia Bola sepak Remaja dalam beberapa tahun akan datang, katanya.

Malaysia berbangga dapat mengendalikan dengan jaya banyak sukan dan Datuk Seri Dr Mahathir menyebut tentang sokongan kuat daripada rakyat ketika negara menjadi tuan rumah Sukan Asia Tenggara (SEA) dua tahun lepas.

t...kami mendapat sokongan rakyat, Malaysia di seluruh negara dan USSR juta dikumpul daripada larian obor yang bermula di Pulau Pinang dan melalui beberapa bahagian negara, + katanya .

+Rakyat kami menyokong penuh sukan kerana kami percayai sukan ialah faktor perpaduan yang kuat terutama dalam negara pelbagai kaum, bahasa, budaya dan agama seperti kami, + tambah beliau.-- Bernama

▼10/12/20-32MST